

Melihat anak isteri apabila keesaan Allah, agama dan Nabi-Nya diperkosa dan diperhina-hina oleh kuffar. Begitulah namanya pengakuan dan cinta yang sebatu dan tidaklah cinta itu hanya terletak di hujung lidah, mengambil peluang, di dalam pekerjaan-pekerjaan tetapi ada tujuan-tujuan lain yang tersembunyi di dalam gerak-gerinya.

Mudah-mudahan di dalam sambutan tahun ini ada golongan-golongan yang mengemukakan dirinya untuk bekerja meluaskan syiar Islam dan menanam topik-topik yang kuat, yang tak luntur dek hujan – tak lekang dek panas.

### **Langkah yang Tegas**

Perdana Menteri Singapura, Tuan Harry Lee telah terlampau banyak bercakap dan cakapan-cakapannya itu kadang-kadang berputar-belit. Apabila percakapannya menimbulkan “bangkangan dan bantahan” yang kuat dari orang-orang yang dibidasnya terutamanya dari golongan Melayu dan Islam lalu ia, kalau tidak dengan lidahnya sendiri, menerusi rakan-rakannya menafikan apa yang telah diucapkannya menyakitkan hati golongan-golongan yang tidak diperkenannya.

Semakin ditegur nampaknya semakin menjadi – semakin dilayan, semakin “gila membidas” dan perbuatan-perbuatan ini sudah tentu dari suatu ke suatu masa menimbulkan keberangan dan kemarahan golongan-golongan yang berkenaan; dan perbuatan ini bukan sahaja sehingga sempadan itu tetapi sudah menggelisahkan penduduk khususnya di Singapura ini dan mungkin<sup>1</sup> juga di Tanah Melayu sehingga terbayang-bayang di hadapan mereka setiap saat bahawa akan timbul kemungkinan-kemungkinan<sup>2</sup> terjadi suatu perkara yang tidak diingini yang diasah dan diapikan oleh Tuan Harry Lee menerusi radio dan telebisen<sup>3</sup>nya yang bukan menjadi alat kerajaan untuk kebaikan<sup>4</sup> umat tetapi telah menjadi tempat tumpuan da’ayah<sup>5</sup> sebuah parti untuk meruntuhkan parti lawannya.

Keamanan dan kesejahteraan yang begini, pada masa

sekarang, adalah terletak di dalam kuasa Kerajaan Pusat dan tempatan. Kerajaan Pusat seolah-olah tidak memerhati akan riak-riak rosak keamanan yang bakal timbul atas perbuatan Tuan Harry Lee. Kerajaan Pusat masih mendasarkan segala tindak-tanduknya kepada dasar kerajaan demokrasi – membebaskan bercakap dan berfikir tetapi sampai di manakah kebebasan-kebebasan itu lulus dan dibenarkan sekiranya kebebasan-kebebasan itu boleh menghilangkan ketenteraman rakyat negeri ini terutamanya di dalam keadaan negeri masa daruat<sup>6</sup> sekarang.

Tiap-tiap kebebasan itu tentu ada sempadannya dan hasutan-hasutan yang boleh menimbulkan pertentangan dan permusuhan di antara satu kaum dengan satu kaum tidaklah patut dibiarkan dan menurut pendapat kita, tidak bijak kerajaan membiarkan api itu terus menyala dan membakar dan tidak dipadamkan selagi kecilnya.

Apakah Kerajaan Pusat hanya akan bertindak apabila rakyat yang diasung, difitnah dan dibakar jiwanya sudah tidak bersabar lagi dan mengambil tindakan-tindakan di dalam tangan mereka sendiri? Kita fikir yang demikian ini suatu langkah yang tidak bijak dan kita yakin bahawa rakyat akan berdiri di belakang kerajaan kalau kerajaan akan tegas di dalam tiap-tiap langkahnya bagi menghapuskan penghasut-penghasut yang boleh menimbulkan sesuatu yang tidak diingini dan merosakkan keamanan dan kesejahteraan di dalam negeri ini.

Rasanya tidak tersembunyi lagi bagi kerajaan terutamanya sesudah sidang Parlimen yang lalu bahawa rakyat tidak senang hati kepada perbuatan dan ucapan-ucapan Perdana Menteri Singapura yang dari suatu masa ke suatu masa menerbitkan kemarahan rakyat ke atas tiap-tiap langkah dan perkataannya dan rakyat terang tidak puas hati kerana Kerajaan Pusat seolah-olah tidak mengambil sesuatu langkah, terutamanya di dalam keadaan kita menghadapi konfrontasi Indonesia di dalam menasihati, sekurang-kurangnya dan kalau tidak makan dengan nasihat bertindak terus

<sup>1</sup> ‘Mungkin’ dieja sebagai ‘mungkin’

<sup>2</sup> ‘Kemungkinan’ dieja sebagai ‘kemungkinan’

<sup>3</sup> ‘Televisyen’ dieja sebagai ‘telebisen’

<sup>4</sup> ‘Kebaikan’ dieja sebagai ‘kebaikan’

<sup>5</sup> ‘Dakyah’ dieja sebagai ‘da’ayah’

<sup>6</sup> darurat